

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20/4/2012



SIHAT

um 20/4/2012
BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjalani pembedahan kecil bagi membuang polyps nasum (nasal polyps), dibenarkan keluar dari Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Kuala Lumpur pada pukul 10.30 pagi, semalam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pembantu beliau, Dr. Mahathir kini dalam keadaan sihat dan para doktor turut berpuas hati dengan tahap kesihatan beliau.

"Namun, Dr. Mahathir perlu menjalani rawatan lanjut sehingga Ahad ini dan beliau dinasihatkan berehat di kediamannya," kata pembantu tersebut.

Pada Selasa lalu, Dr. Mahathir dimasukkan ke wad PPUKM bagi menjalani pembedahan kecil itu yang dilakukan oleh sekumpulan pakar perubatan diketuai Prof. Dr. Abdullah Sani Mohamed.

■ DR. MAHATHIR Mohamad berjalan keluar dari PPUKM dengan diiringi oleh anggota polis selepas menerima rawatan dan menjalani pembedahan kecil sejak Selasa lalu di Kuala Lumpur, semalam.